

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Monday, July 16, 2018 12:13 PM
To: UUM - All Staff
Subject: MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI DAN MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULAN JUN, JABATAN KESELAMATAN TAHUN 2018



Jabatan Keselamatan
SECURITY DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2018 / 3 ZULKAEDAH 1439H
=====

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI DAN MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULAN JUN, JABATAN KESELAMATAN TAHUN 2018



KESL ONLINE : Sempena 28 Syawal 1439H bersamaan 12 Julai 2018, Jabatan Keselamatan telah menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri dan Majlis Anugerah Pekerja Contoh bulan Jun 2018 yang melibatkan semua unit-unit di Jabatan seperti Cawangan Pentadbiran, Cawangan Logistik , Cawangan Trafik/CCTV/IT, Cawangan Siasatan, Cawangan Operasi termasuk Unit Alfa, Unit Bravo, Unit Charlie, Unit Delta dan Unit Taman Siswa.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang di sampaikan oleh PK Zainuddin Ismail daripada Unit Charlie sebelum diteruskan dengan Majlis Sambutan Aidilfitri bersama tetamu jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari pelbagai Jabatan UUM, Unit Kebersihan UPSB, Pesara-pesara Jabatan dan semua warga Jabatan Keselamatan. Pelbagai makanan disediakan dengan menu utama Kambing Golek disamping Nasi Beriani, Kurma Kambing,

Bihun Sup, Laksa, Ayam Golek, Lemang, Ketupat Rendang, Rojak, Sirap Istimewa Cincau Bandung, berbagai jenis kuih-muih dan buah-buahan hasil kerjasama daripada Kelab Kebajikan KEJAKES, semua Unit-Unit dan orang perseorangan di Jabatan.

Seterusnya majlis yang turut dihadiri oleh Yang Berusaha Pengarah Jabatan Keselamatan, Mejar Mohamad Ezanee Yazid mengalu-alukan semua jemputan yang hadir diantaranya mantan Pengarah Keselamatan, Tuan DSP/KS Mohd Zulkifli Md Noor yang kini Pengarah Unit Komunikasi Korporat di Jabatan Canselor.

Sebelum majlis berakhir Yang Berusaha Pengarah Keselamatan menyampaikan Sijil dan cenderahati kepada 4 orang penerima Anugerah Pekerja Contoh Jabatan bagi bulan Jun 2018 iaitu PKK Nazari Ahmad (KP14 – Unit Delta), PK Norizan Halim (PK11- Unit Taman Siswa), PKK Mohd Nazri Mat Yahya (KP14 – Unit Alfa) dan PK Noor Hidayah Ahmad Sobari (PK11 – Unit Bravo).

Sepanjang majlis berlangsung hadirin telah dihiburkan dengan nyanyian karaoke lagu-lagu raya daripada anggota-anggota Jabatan dan tetamu jemputan yang hadir. Majlis bersurai pada jam 2.00 petang.

Tamat.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
Telefon : 04-928 3333 / 2416
Faks : 04-928 2424
E-Mel : security@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.